



## RENANG

### 1. Undang-Undang Permainan

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Renang Amatur Antarabangsa (FINA).

### 2. Peraturan Pertandingan

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am STM yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

### 3. Jenis Pertandingan

3.1 Kejohanan terbuka antara pelajar Universiti-Universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM.

3.2 Acara-acara dipertandingkan:-

ACARA	Bil	LELAKI	Bil	WANITA
<b>Perseorangan</b>	1.	50 Meter Gaya Bebas	1.	50 Meter Gaya Bebas
	2.	100 Meter Gaya Bebas	2.	100 Meter Gaya Bebas
	3.	200 Meter Gaya Bebas	3.	200 Meter Gaya Bebas
	4.	50 Meter Kuak Dada	4.	50 Meter Kuak Dada
	5.	100 Meter Kuak Dada	5.	100 Meter Kuak Dada
	6.	200 Meter Kuak Dada	6.	200 Meter Kuak Dada
	7.	50 Meter Gaya Kupu-kupu	7.	50 Meter Gaya Kupu-kupu
	8.	100 Meter Gaya Kupu-kupu	8.	100 Meter Gaya Kupu-kupu
	9.	200 Meter Gaya Kupu-kupu	9.	200 Meter Gaya Kupu-kupu
	10.	50 Meter Gaya Lentang	10.	50 Meter Gaya Lentang
	11.	100 Meter Gaya Lentang	11.	100 Meter Gaya Lentang
	12.	200 Meter Gaya Lentang	12.	200 Meter Gaya Lentang
	13.	200 Meter Rampaian	13.	200 Meter Rampaian
	14.	400 Meter Rampaian	14.	400 Meter Rampaian
<b>Berpasukan</b>	15.	4 x 100 Meter Gaya Bebas	15.	4 x 100 Meter Gaya Bebas
	16.	4 x 100 Meter Rampaian	16.	4 x 100 Meter Rampaian

### 4. Pendaftaran Peserta / Pembentukan Pasukan

4.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar dua (2) orang peserta bagi setiap acara perseorangan.

4.2 Seorang perenang dibenarkan menyertai semua acara yang dipertandingkan.

4.3 Borang pendaftaran peserta hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan dimulakan (tarikh ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MASUM).

- 4.4 Hanya peserta yang namanya didaftarkan dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan mengambil bahagian.

## **5. Penggantian**

- 5.1 Tidak dibenarkan sebarang pertukaran atau gantian semasa pertandingan dijalankan.
- 5.2 Semua pertukaran dan gantian hanya dibenarkan semasa mesyuarat Pengurus Pasukan
- 5.3 Penggantian perenang hanya dibenarkan apabila sijil perubatan dikeluarkan oleh doktor yang bertugas dalam kejohanan berkenaan. Perenang yang diganti tidak dibenarkan menyertai lagi acara lain dalam masa sijil perubatan itu dikuatkuasakan.

## **6. Sistem Pertandingan**

- 6.1 Sila rujuk Undang-Undang dan Peraturan Am STM ( 10.1).
- 6.2 Susunan acara hendaklah mengikut susunan yang di tetapkan oleh pihak jawatankuasa Pengelola dan dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal MASUM.
- 6.3 Undian Lorong adalah berdasarkan kepada masa pencapaian terbaik peserta mengikut yang tercatat dalam borang penyertaan.
- 6.4 Pertandingan ini dijalankan secara "*one start rule*".
- 6.5 Keputusan pemenang untuk Kejohanan Renang MASUM adalah mengikut catatan masa terbaik "*Time Final*" .

## **7. Pakaian**

Sila rujuk Undang – Undang FINA

## **8. Rayuan / Bantahan**

Sila rujuk Peraturan Am STM (14.0)

## **9. Juri Rayuan**

Sila rujuk Peraturan AM (16.0) MASUM

## **10. Perkara Yang Tidak Dinyatakan**

Sila rujuk Peraturaran Am (22.0) MASUM